

12/01/1997

Hati pelancong perlu dijaga

ALKISAHNYA, penduduk tempatan perlu beri layanan baik kepada pelancong asing jika negara ini mahu menjadi destinasi pelancongan yang unggul di dunia. "Hati pelancong perlu dijaga .... bagaimana perasaan kita jika rakyat sesebuah negara memberi layanan buruk kepada kita ketika berkunjung ke negara berkenaan". Begitulah kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika lancar program Tahun Melawat Terengganu 1997 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, minggu lalu.

Menurut Perdana Menteri, pelancongan mampu menjadi sumber kewangan yang besar kepada negara. Oleh itu, ia perlu dijaga agar pelancong asing tidak jemu untuk berkunjung ke Malaysia.

Teman sokong saranan itu. Rakyat memang perlu diasuh supaya benar-benar memahami manfaat yang bakal mereka peroleh daripada industri pelancongan kerana tanpa peranan mereka, industri itu tidak mungkin berkembang.

Lebih utama ialah semua sumber keindahan alam semula jadi di negara ini dieksploitasi sebaik mungkin untuk dijadikan daya tarikan pelancong. Tidak ada gunanya negara ini mempunyai air terjun, air panas, tasik dan sebagainya jika ia tidak dimajukan sebagai destinasi pelancongan.

(END)